

Quantum Beez mahu teroka e-pendidikan di Arab Saudi

QUANTUM Beez Sdn Bhd (Quantum Beez), sedang menerokai pasaran pendidikan elektronik (e-pendidikan) di Arab Saudi sebagai strategi memperluaskan pasaran.

Pengasas, Pengerusi dan Ketua Eksekutifnya, Dr Azman Firdaus Shafii, berkata ketika ini Quantum Beez sedang membida projek e-pendidikan Universiti King Saud, Arab Saudi.

"Ini sebahagian strategi syarikat mengembangkan perniagaan selaras dengan rancangan bagi me-nyenaraikan Quantum Beez di Bursa Mesdaq, tahun depan," katanya dalam satu pertemuan di pejabatnya di Serdang, Selangor, baru-baru.

Beliau berkata, perisian e-pendidikan yang dibangunkan syarikat merangkumi semua peringkat daripada tadika, sekolah rendah, menengah dan universiti, termasuk sistem pengurusan sekolah dan kampus yang kini sudah digunakan oleh kolej di negara ini.

Azman berkata, dalam usaha mengukuhkan kehadirannya, Quantum

Beez menjalankan usaha sama dengan Innovation Associates bagi menubuhkan syarikat usaha sama Intellectual Spectrum Sdn Bhd (Inspect) bagi memberikan tumpuan kepada segmen teknologi keselamatan.

"Kami melihat terdapat potensi yang luas dalam aspek keselamatan teknologi, terutama selepas peristiwa 9/11. Tahap keselamatan di semua negara ditingkatkan yang mana teknologi maklumat dan komunikasi adalah antara alat digunakan bagi membantu meningkatkan tahap keselamatan berkenaan.

"Misalnya, pemasangan televisyen litar keselamatan tertutup yang dapat meningkatkan tahap pengawasan, terutama di tempat sensitif seperti di pintu masuk negara. Sistem berkenaan memerlukan rang-kaiian komunikasi dan pusat simpanan data tinggi kerana membabitkan penggunaan data yang tinggi," katanya.

Azman berkata, syarikat juga berhasrat menerokai pasaran Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di negara ini terutama

menaik taraf sistem komputer mereka untuk meningkatkan produktiviti serta kecekapan.

Katanya, hampir 90 peratus daripada syarikat di negara ini adalah PKS dan mereka terbabit dalam sektor pengeluaran, dengan sebahagian besar masih menggunakan kaedah tradisional untuk menyimpan data dan inventori.

"Ini menyebabkan pe-ngeluaran tidak dapat dioptimumkan kerana ketiadaan sistem maklumat yang tersusun," katanya.

Beliau berkata, syarikat juga berhasrat meningkatkan bilangan kakitangan dua kali ganda tahun depan yang mana ia sebahagian besar membabitkan kakitangan teknikal untuk tujuan pengembangan.

Katanya, beberapa projek sedang dilaksanakan sekarang iaitu membabitkan penyediaan perkhidmatan penyelenggaraan dan pemasangan komputer untuk Pusat Realiti Maya, Aplikasi Kreatif Multimedia Development Corp (MDeC) serta projek pengkomputeran grid kebangsaan oleh Mimos Bhd.